

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 26

### Prospek ekonomi 6 bulan lagi diunjur menggalakkan

# Prospek ekonomi 6 bulan lagi diunjur menggalakkan

**Indeks Pelopor** mencatatkan 110.3 mata pada Mei 2023, yang membayangkan prospek ekonomi Malaysia adalah menggalakkan, namun dalam sentimen berhati-hati.

Indeks itu adalah alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata, prestasi Indeks Pelopor pada Mei 2023 mencatatkan pertumbuhan negatif yang lebih baik iaitu 1.1 peratus dengan 110.3 mata berbanding negatif 2.7 peratus pada April 2023.

Beliau berkata, prestasi negatif ini disebabkan oleh import benar semikonduktor dan import benar logam asas berharga & logam bukan ferus lain.

"Sementara itu, prestasi bulanan IP pula bertumbuh sebanyak 1.8 peratus, disebabkan peningkatan lima komponen IP kecuali jangkaan nilai jualan dalam pembuatan (susut 0.8

peratus) dan penawaran wang benar atau M1 (susut 0.3 peratus)," katanya dalam satu kenyataan diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalam.

#### Cabarani meningkat

Beliau berkata, walaupun kedua-dua indeks menunjukkan peningkatan pada bulan berkenaan, kadar pertumbuhan IP terlicin Mei 2023 masih kekal dibawah aliran 100.0 mata. "Sehubungan dengan itu, ekonomi Malaysia dijangka menggalakkan dalam masa terdekat, namun perlu mengambil kira cabaran global yang semakin meningkat," katanya.

Mohd Uzir berkata, bagi mengukur keadaan ekonomi semasa, Indeks Serentak mengekalkan momen-tum pertumbuhan tahunan positif sejak September 2021 dengan mencatatkan 3.1 peratus kepada 124.3 mata pada Mei 2023 berbanding 120.6 mata pada bulan sama tahun sebelumnya, disumbangkan prestasi yang baik bagi semua komponen.

"Pada masa yang sama, perubahan bulanan IS turut meningkat 2.5 peratus dengan kapasiti penggunaan dalam pembuatan (1.2 peratus) menyumbang dengan ketara kepada peningkatan ini," katanya.

Sementara itu, dalam satu kenyataan berasa ngan, DOSM melaporkan bahawa pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatat nilai RM297.8 billion pada harga malar bagi 2022 berbanding RM279 billion pada 2021.

Mohd Uzir berkata, PMTK kekal sebagai komponen kedua terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan sumbangan 19.7 peratus daripada jumlah ekonomi.

Beliau berkata, PMTK pulih kepada 6.8 peratus pada 2022 berbanding penurunan marginal 0.8 peratus pada 2021.

"Semua sektor utama menunjukkan peningkatan pada 2022, terutama pelaburan dalam aset tetap sektor perkhidmatan dan pembuatan," kata-nya.